

**SOALAN NO. 22****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN SIM TONG HIM  
[KOTA MELAKA]

**TARIKH :** 1 OGOS 2017

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini proses persempadanan semula yang telah dijalankan:-

- (a) berapa cabaran perundangan dan rayuan masih dalam mahkamah; dan
- (b) bagaimanakah SPR dapat memastikan bahawa semua kes cabaran perundangan dan rayuan dijalankan dengan penuh ketelusan dan berintegriti.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 14 Julai 2017, terdapat sebanyak 8 kes untuk dibicara di Mahkamah Tinggi di seluruh negara manakala terdapat sebanyak 3 kes untuk bicara rayuan di Mahkamah Rayuan, Putrajaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesemua kes mahkamah yang melibatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah diwakili oleh Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dengan pengendalian bersama oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang SPR. Pihak Jabatan Peguam Negara telah mengkaji dan mempertimbangkan segala aspek perundangan yang terlibat bagi memastikan setiap kes dipertahankan secara profesional dan berintegriti. Sekiranya sesuatu kes tersebut perlu diselesaikan tanpa bicara, maka SPR akan menyelesaikannya secara telus dan profesional.

Bagi kes-kes yang dibicarakan, segala maklumat berkaitan kes-kes yang diperlukan telah dikemukakan di mahkamah oleh SPR bagi membantu mahkamah untuk membuat keputusan. Kesemua keputusan mahkamah akan dipatuhi sepenuhnya. Sekiranya keputusan memerlukan rayuan ke peringkat yang lebih tinggi, maka rayuan akan dibuat secara telus mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Bagi SPR, semua proses perundangan berkaitan akan dipatuhi sepenuhnya. Namun begitu, keputusan akhir perbicaraan dan rayuan terlibat adalah terletak di bawah bidang kuasa mahkamah.

Sekian, terima kasih.